

lokal

Teruja pakej umrah murah

Golongan B40, pesara sering menjadi sasaran sindiket tipu promosi ibadat di Tanah Suci

Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Golongan berpendapatan rendah (B40) serta individu yang baru sahaja bersara antara yang tertinggi menjadi mangsa penipuan pakej haji dan umrah.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSK) Bukit Aman Datuk Seri Ramli Mohamed Yusuf berkata, berdasarkan laporan diterima didapati punca utama ia berlaku berikutkan ramai terpedaya dengan pakej umrah pada harga tidak masuk akal.

"Punca utama dikemaskini pasti adalah kelemahan dan keghairahan mangsa sendiri apabila mudah diperdaya dengan pakej umrah yang murah dan harga yang tidak munasabah."

"Seperti contoh, terdapat iklan pakej umrah lengkap berharga RM4,500 walhal mustahil harga seperti itu memangangkan harga tiket kapal terbang sanaja sudah mencecah RM4,000.

"Itu tidak termasuk kos makan, penginapan, kelengkapan dan pengangkutan lagi," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan masyarakat untuk membuat semakan dengan pihak berkuasa berkaitan sebelum pembelian pakej umrah.



Punca utama dikemaskini pasti adalah kelemahan dan keghairahan mangsa sendiri apabila mudah diperdaya dengan pakej umrah yang murah"

Ramli

rah antara punca perkara ini terus berlaku.

Katanya, dalam usaha membanteras aktiviti pe-

nipuan itu, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) dalam

menyalurkan maklumat berkaitan salah laku syarikat atau ejen umrah yang melanggar peraturan kepada orang ramai.

"Polis juga bekerjasama dengan beberapa persatuan industri pelancongan yang bertindak sebagai mata dan telinga pihak berkuasa dalam menyampanakan maklumat berkaitan penipuan.

"Selain itu, hebatan melalui media massa dan platform atas talian berkenaan kepentingan membuat semakan terlebih dahulu sebelum mengambil

apa-apa pakej umrah atau haji juga dijalankan," katanya.

Ramli berkata, antara modus operandi yang sering dikesan antaranya syarikat terbabit akan menggunakan wang pembayaran daripada satu kumpulan jemaah untuk membayai kumpulan terdahulu sehingga terjadi *snowball effect*.

Selain itu, ada juga suspek yang menggunakan gambar ustaz dan ustazah selebriti atau ikon terkenal bagi mempromosikan pakej umrah jauh lebih murah terutama di platform media sosial.

rah terutama di platform media sosial.

"Jumlah kerugian tertinggi yang dicatatkan setakat ini ialah sebanyak RM161,880 berkaitan laporan polis yang diterima di Negeri Sembilan.

"Mangsa membuat laporan polis dengan mewakili seramai 29 orang mangsa yang ditipu dalam pakej umrah.

"Jumlah kerugian keseluruhan tahun ini (Januari hingga Ogos) membabitkan kes penipuan pakej umrah dan haji adalah RM1.35 juta," katanya.

» INFO

Ada suspek yang menggunakan gambar ustaz dan ustazah selebriti atau ikon terkenal bagi mempromosikan pakej umrah jauh lebih murah terutama di platform media sosial.

Nilai kerugian tertinggi yang dicatatkan setakat ini ialah sebanyak RM161,880 berkaitan laporan polis yang diterima di Negeri Sembilan.



SEBAHAGIAN daripada jemaah umrah dari utara terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) beberapa tahun lalu akibat agensi yang mengendalikan pakej umrah gagal dihubungi.



JUMAAH' umrah sering menjadi sasaran sindiket penipuan kerana permintaan tinggi umat Islam bagi mengerjakan ibadah itu berbanding ibadah haji yang agak terhad.